

# Lelaki asing miliki syabu dipenjara tujuh bulan dan diusir

**MIRI:** Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas disabitkan bersalah atas pertuduhan memiliki syabu.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut selepas menjalani hukuman penjara.

Tertuduh, Antonius Ma'in, 31, dari Kalimantan Barat, Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah

Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, pada jam 9.45 pagi, 29 Mac lalu, polis telah menahan tertuduh di sebuah rumah di Lorong Tanjung Batu 1A, Kampung Pujut Padang Kerbau di sini untuk tujuan

pemeriksaan kerana disyaki terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Semasa pemeriksaan badan dilakukan, tertuduh telah menyerahkan satu keratan tiub straw berwarna hijau berisi ketulan-ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu.

Barang disyaki dadah kemudian dirampas untuk dijadikan barang kes, manakala tertuduh ditangkap serta dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk tindakan lanjut.

Barang kes kemudian di-

hantar ke Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Bintulu untuk dianalisis dan hasilnya mengesahkan bahawa ia adalah dadah jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.22 gram.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan kes dikendalikan ASP Mary Ong di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.